

03 JUL 2001

Fuzi-Dasar

WISMA PUTRA TINGKATKAN USAHA ASAH BAKAT PEGAWAI

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Ketua Setiausaha Kementerian Luar yang baru dilantik, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak hari ini berkata pegawai dan kakitangan kementerian itu perlu sentiasa bersedia bagi melaksanakan dasar luar Malaysia dengan berkesan untuk berhadapan dengan senario global yang berubah.

Katanya pembangunan sumber manusia kementerian akan memberi penekanan bagi membolehkan Wisma Putra mempunyai para pegawai yang berkeupayaan untuk memenuhi peranan di pelbagai forum dalam memelihara kepentingan negara.

"Terdapat jangkaan yang lebih tinggi ke atas kerajaan bersabit fungsi dan peranan yang perlu dimainkan oleh Kementerian Luar di pelbagai forum.

"Dan adalah penting supaya kesemua mereka digerakkan dan dilatih bagi memainkan peranan penting seperti yang diperlukan oleh kerajaan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas oleh Tan Sri Abdul Kadir Mohamad yang tamat kontrak sebagai ketua setiausaha kementerian itu hari ini.

Abdul Kadir kini dilantik sebagai Duta Kelana secara kontrak selama dua tahun.

Ahmad Fuzi berkata para pegawai kementerian perlu menangani cabaran dan tuntutan mengikut masa memadamkan keadaan sudah berubah di peringkat global.

Diplomat berusia 52 tahun itu yang akan memulakan tugas barunya itu esok, memulakan kerjayanya di Wisma Putra pada 7 April, 1972. Beliau berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Rusia, Belanda dan Amerika Syarikat.

Pada majlis itu, Fuzi mengucapkan terima kasih kepada kerajaan terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di atas keyakinan mereka memilih beliau untuk menggantikan Abdul Kadir.

Beliau menyifatkan pelantikan itu sebagai satu penghargaan dan berjanji akan menjalankan tugasnya dengan sebaik mungkin.

Ahmad Fuzi juga berkata satu majlis khas akan diadakan untuk memberi penghargaan kepada Abdul Kadir yang berkhidmat selama 33 tahun di kementerian itu.

Sementara itu, Abdul Kadir memberitahu pemberita bahawa sebagai duta kelana, beliau akan menjalankan tugas khas seperti yang diarahkan oleh menteri atau kementerian.

"Saya tidak mempunyai portfolio khusus, saya tidak mengetuai bahagian tertentu. Tetapi di mana sahaja menteri dan kementerian memerlukan seseorang selain daripada pegawai tetap untuk menjalankan sesuatu tugas, mereka boleh meminta saya melakukannya," katanya.

Ditanya mengenai tugas yang perlu disegerakannya, Abdul Kadir berkata beliau akan meneruskan tugas mempertahankan hak Malaysia ke atas pulau-pulau Sipadan dan Ligitan yang dituntut bersama oleh Indonesia.

Beliau adalah ejen negara di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague. Kuala Lumpur membantah permohonan Filipina untuk mencelah dalam pertikaikan Malaysia-Indonesia ke atas kedaulatan kedua-dua pulau itu.

Mengenai Fuzi, Abdul Kadir berkata: "Beliau adalah rakan baik saya. Beliau akan menjalankan tugas dengan baik. Saya merupakan seorang daripada mereka yang mencalonkan beliau."

Sepanjang perkhidmatan beliau di Wisma Putra, Abdul Kadir antara lain pernah berkhidmat di Amerika Syarikat, Vietnam, Belgium dan Pakistan.

-- BERNAMA

MAM HS LAT